

Headline	5 kedai Siswa 1M'sia siap untuk beroperasi		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	17 Feb 2012	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	29,826
Page No	6	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	74 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 152
Frequency	Daily	PR Value	RM 456



5 kedai Siswa 1M'sia siap untuk beroperasi

KUALA LUMPUR: Lima Kedai Siswa 1Malaysia 'SiswaSave' telah siap untuk beroperasi di lima universiti awam, termasuk di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), yang dilancarkan Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin pada Khamis.

Selain UIAM, Kedai Siswa di Universiti Teknologi Mara, Universiti Utara Malaysia, Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia juga bersedia untuk memulakan operasi.

"Lapan lagi Kedai Siswa akan ditubuhkan dalam masa terdekat," katanya. Pada sidang media selepas melancarkan Kedai Siswa dan Seminar Koperasi Siswa bertajuk 'Koperasi Menjana Transformasi Minda Keusahawanan Mahasiswa' di UIAM di sini.

Beliau berkata pembukaan Kedai Siswa 1Malaysia di 13 institusi pengajian tinggi (IPT) awam itu

dirancang dengan kerjasama Koperasi Usahawan Siswa (Kosiswa) di universiti masing-masing.

Mohamed Khaled berkata kedai berkenaan yang menawarkan harga barangan yang kompetitif berbanding kedai runcit di luar kampus dapat mengurangkan beban penuntut universiti.

Mohamed Khaled berkata sehingga kini, terdapat 153 koperasi di IPT awam dan swasta termasuk politeknik, kolej komuniti dan kolej swasta didaftarkan.

Katanya jumlah keanggotaan koperasi seramai 198,205 orang di IPT berjaya mengumpul modal berjumlah RM87.19 juta dan menjana perolehan RM112 juta daripada aktiviti perniagaan.

Sehubungan itu, beliau mahu IPT di seluruh negara bergiat aktif dalam kegiatan koperasi bagi merealisasikan Dasar Koperasi Negara yang mensasarkan penubuhan 1Koperasi 1Universiti menjelang 2020. - Bernama